

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Malaysia, Singapura meterai MoU JS-SEZ

# Malaysia, Singapura meterai MoU JS-SEZ

Tingkatkan perdagangan, perkukuhkan lagi hubungan baik antara Johor dan Singapura

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
JOHOR BAHRU

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong pada Khamis, menyaksikan Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dengan Singapura.

Memorandum berkenaan ditandatangani oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bersama Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong.

Perjanjian itu akan memperkukuhkan lagi hubungan baik antara Johor dan Singapura untuk kemakmuran dan kemajuan kedua-dua belah pihak.

JS-SEZ dijangka meningkatkan lagi perdagangan antara Johor dan Singapura, dan boleh berkembang maju seperti bandar raya Shenzhen di China, yang menjadi bukti kejayaan sebagai sebuah zon ekonomi khas.

Menurut Rafizi, JS-SEZ akan membuka peluang baharu dalam meningkatkan aliran rentas sempadan barangan dan orang ramai, memper-



Anwar (kanan) bersama Hsien Loong (kiri) menyaksikan Majlis Pemeteraian MoU JS-SEZ antara Rafizi (dua dari kanan) dengan Kim Yong pada Khamis.

kuhkuh ekosistem perniagaan, dan meningkatkan daya tarikan ekonomi Johor dan Singapura.

"Saya yakin sepenuhnya bahawa inisiatif ini akan menandakan permulaan transformasi dalam hubungan ekonomi dua hala, kita akan memupuk ketersambungan dan kemakmuran yang tiada tandingan bagi kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, Kim Yong berkata, JS-SEZ menggariskan apa yang Singapura dan Malaysia boleh capai apabila kerajaan dan komuniti perniagaan kita bekerjasama rapat.

"Ia akan menjadi jambatan bagi kedua-dua pihak untuk memanfaatkan kekuatan satu sama lain dan merebut peluang untuk berkembang bersama.

"Malaysia dan Singapura merupakan rakan dagang kedua terbesar antara satu sama lain, dengan per-

dagangan dua hala berkembang 18.9 peratus tahun ke tahun kepada S\$153 bilion pada 2022," katanya.

Idea penubuhan zon itu pertama kali dicetuskan Menteri Ekonomi Malaysia, Rafizi selepas pertemuan dengan kerajaan Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu.

Dua bulan selepasnya kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji daya maju penubuhan zon ekonomi khas berkenaan.

Pada 2022, Johor dilaporkan menerima pelaburan asing bernilai RM70.6 bilion dalam pelbagai sektor.

Singapura selaku pelabur asing kedua terbesar di negeri itu menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) Johor dalam sektor pembuatan.